

Negara Malaysia

# Dalam laungan salawat mengharap rahmat

DI PAGI hening, 30 Januari 1980, duyunan manusia yang berpenghulukan Muhammad s.a.w. berhimpun di Stadium Merdeka. Kilauan pakaian aneka warna dengan tebaran sepanduk-sepanduk melambai-lambai memeriahkan suasana.

Dalam laungan selawat ke atas junjungan sekelian umat, lantas berarak mereka membanggakan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut mencemar duli mengetahui rakyat jelata membuktikan bahawa inilah Islam, agama rasmi negara ini. Turut menghayati bahawa sesungguhnya 'Nabi Muhammad Pembimbing Akhlak'.

Lantas bergemalah laungan-laungan suci menerawang dibawa angin kota menusuk masuk ke kalbu setiap yang mendengarnya. Terikan panas yang memancar tiada dihirau dalam kekhusukan mengenang hari kelahiran pesuruh Allah yang mulia itu.

Sambutan yang sebegini berlalu juga di kota dan desa-desa lain di seluruh negara. Semuanya mewiridkan pemujaan kepada kebesaran Allah dan nikmat yang dilimpahkan kepada seluruh hambanya.

Selari itu terbuktiilah betapa sambutan sedemikian berasaskan kepada 'Kepercayaan Kepada Tuhan' seperti yang termaktub di dalam Rukunegara. Rukun yang hampir sepuluh tahun telah diisytiharkan di Malaysia.

Kehadiran pembesar-pembesar negara termasuk para menteri, berbaur bersama rakyat biasa, membuktikan juga bahawa Islam itu sama rata. Islam itu penuh keadilan.

■ Foto: HAMZAH HURMIN ■

